YEW TIAN HOE A

lwn.

SOO KAY PING & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TAIPING B
AHMAD NASFY YASIN PK
[GUAMAN SIVIL NO: 22-18-2011]
21 NOVEMBER 2012

ACARA SIVIL: *Pembatalan - Tuntutan bagi fitnah - Pliding - Sama ada cacat - Penyiaran kata-kata fitnah dalam akhbar Bahasa Cina - Kegagalan memplidkan kata-kata sebenar dalam penyata tuntutan secara keseluruhan - Hanya penterjemahan dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris untuk sebahagian daripada artikel yang disiarkan diplidkan - Kegagalan memplidkan penyataan disiarkan dalam Bahasa Mandarin seperti yang diterbitkan - Sama ada defendan diprejudiskan - Sama ada wujud kausa tindakan* C D

TORT: *Fitnah - Libel - Pliding - Penyiaran kata-kata fitnah dalam akhbar Bahasa Cina - Kegagalan memplidkan kata-kata sebenar dalam penyata tuntutan secara keseluruhan - Hanya penterjemahan dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris untuk sebahagian daripada artikel yang disiarkan diplidkan - Kegagalan memplidkan penyataan disiarkan dalam Bahasa Mandarin seperti yang diterbitkan - Sama ada penyata tuntutan cacat - Sama ada defendan diprejudiskan - Sama ada wujud kausa tindakan* E

Plaintif/perayu telah membawa tuntutan terhadap defendan-defendan bagi fitnah. Menurut plaintif, satu artikel bersifat fitnah berkenaan plaintif telah dicetak dan diterbitkan dalam surat khabar Bahasa Cina oleh defendan-defendan. Peguamcara defendan telah membangkitkan bantahan awal terhadap penyataan tuntutan terpinda plaintif atas alasan berikut: (i) bahawa kata-kata sebenar perlu diplidkan dalam penyataan tuntutan secara keseluruhan dan plaintif gagal membuat sedemikian tetapi hanya memplidkan terjemahan dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris untuk sebahagian daripada artikel yang telah disiarkan; dan (ii) di samping gagal memplidkan artikel secara keseluruhan, plaintif juga gagal memplidkan penyataan yang disiarkan tersebut dalam bahasa asal seperti yang diterbitkan dalam surat khabar diikuti dengan terjemahan dalam bahasa yang digunakan di mahkamah. Plaintif tidak berpuas hati terhadap keputusan Mahkamah Tinggi dalam membatalkan pernyataan tuntutan terpinda atas bantahan awal tersebut dan justeru, memfailkan rayuan ini. F G H I

Diputuskan (membenarkan bantahan awal dan menolak tuntutan plaintif dengan kos):

(1) Kegagalan pihak plaintif memplidkan dalam pernyataan tuntutan terpinda kata-kata sebenar secara keseluruhan menyebabkan pernyataan tuntutan tersebut cacat *(Karpal Singh Ram Singh v. DP Vijandran*, dirujuk). (perenggan 12)

(2) Kegagalan untuk memplidkan keseluruhan kenyataan yang dikatakan bersifat fitnah menyebabkan defendan tidak dapat mengetahui bahagian mana yang dianggap fitnah bagi membolehkan defendan menjelaskan keadaan sebenar berdasarkan kepada keseluruhan kandungan artikel tersebut. Ini nyata memprejudiskan defendan *(Lim Kit Siang v. Datuk Dr Ling Liong Sik & Ors*, dirujuk). (perenggan 13)

(3) Kegagalan pihak plaintif menyiarkan kenyataan dalam bentuk asal seperti yang diterbitkan dalam surat khabar diikuti dengan penterjemahan dalam bahasa yang digunakan di mahkamah menyebabkan pernyataan tuntutan terpinda pihak plaintif cacat. Oleh itu, ia tidak membangkitkan apa-apa kausa tindakan. (perenggan 14)

(4) Apabila penterjemah mempunyai gaya tersendiri menterjemah sesuatu artikel maka adalah amat penting bahawa kenyataan yang diterbitkan dalam Bahasa Mandarin diplidkan secara keseluruhan dalam bahasa asal diikuti dengan terjemahan bagi membolehkan mahkamah mengesahkan sama ada kenyataan yang didakwa itu bersifat fitnah dalam bahasa asing adalah benar-benar bersifat fitnah dengan memanggil penterjemah yang berkelayakan untuk memberi keterangan berkenaan kenyataan yang diplidkan tersebut. (perenggan 16)

Kes-kes yang dirujuk:

British Data Management Plc v. Boxer Commercial Removals Plc and Another [1996] 3 All ER 707 ***(dirujuk)***
Dato' Seri Tiong King Sing v. Datuk Justine Jinggut [2003] 7 CLJ 433 HC ***(dirujuk)***
Karpal Singh Ram Singh v. DP Vijandran [2001] 3 CLJ 871 CA ***(dirujuk)***
Lim Kit Siang v. Datuk Dr Ling Liong Sik & Ors [1996] 1 LNS 106 HC ***(dirujuk)***
Soh Chun Seng v. CTOS-emr Sdn Bhd [2004] 5 CLJ 46 HC ***(dirujuk)***
Worker's Party v. Tay Boon Too & Anor [1975] 1 LNS 193 HC ***(dirujuk)***

Sumber-sumber yang dirujuk:

Gatley on Libel and Slander, edisi ke 9, ms 652

Bagi pihak plantif - Chan Kok Keong; T/n Chan & Assocs
Bagi pihak defendan-defendan - V Anushia; T/n V Anushia & Assocs

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

PENGHAKIMAN

Ahmad Nasfy Yasin PK:

Rayuan

[1] Plaintif/perayu tidak berpuas hati terhadap keputusan membatalkan pernyataan tuntutan terpinda melalui bantahan awal defendan. Justeru memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan.

Latar Belakang Fakta

[2] Plaintif adalah pada semua masa material seorang Ahli Dewan Undangan bagi kawasan Aulong, Perak, manakala defendan pertama pula adalah pegawai penyelaras Parlimen Taiping di bawah Unit Penyelarasan Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Defendan kedua adalah pemilik dan penerbit "Oriental Daily News" sebuah akhbar Bahasa Cina yang mempunyai peredaran yang luas di seluruh negara.

[3] Pada 17 Januari 2011, di bawah tajuk "Mendakwa Yew Tian Hoe mengenakan kos peninjauan tanah secara haram Soo Kay Ping: Ada saksi dan bukti", dicetak dan diterbitkan berkenaan plaintif dan berkenaan jawatan plaintif dan berkaitan kelakuan plaintif dalam Bahasa Cina, perkataan-perkataan berikut:

(a) "Koordinator" Barisan Nasional bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Taiping, Soo Kay Ping mengatakan beliau mempunyai bukti dan saksi bahawa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Aulong, Yew Tian Hoe mengenakan kos peribadi terhadap penduduk kampong apabila mengendalikan masalah tanah di kawasan DUN.

(b) Beliau berkata, atas dasar baik hati, beliau memberi peluang kepada Yew dan berharap agar Yew jangan terus mengelirukan rakyat atas masalah tanah ini kalau tidak, beliau akan menyerahkan bukti kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah dan pada masa itu, Yew akan menghadapi akibat kehilangan jawatan ADUN.

(c) Beliau berkata, kami ada saksi dan bukti untuk membuktikan bahawa Yew Tian Hoe mengenakan kos peribadi semasa menolong penduduk kampung menyelesaikan masalah tanah. Akan tetapi, atas alasan baik hati, kami tidak mengambil sebarang tindakan lanjut terhadap beliau.

(d) Beliau berkata, pada 13 haribulan ini, Yew Tian Hoe tanpa perasaan malu dengan mengatakan bahawa beliau ada membuat kerja dalam perkara dimana 6 keluarga di Saba mendapatkan

surat kelulusan geran daripada Pejabat Tanah Daerah. Tindakan ini jelasnya menterbalikkan fakta yang sebenarnya dan menipu rakyat.

(e) Kalau kami tidak menyiasat dan mengenalpastikan kebenaran daripada Pejabat Tanah, penduduk kampung yang telah menyerahkan kos peninjauan tanah kepada Yew Tian Hoe pada akhirnya akan menunggu secara sia-sia sahaja.

[4] Perkataan-perkataan tersebut merujuk kepada dan adalah difahamkan sebagai merujuk kepada plaintif dengan maksud bahawa:

(a) Plaintif tidak beretika ataupun jujur;

(b) Plaintif bukanlah seorang yang sesuai dan layak menjadi wakil rakyat;

(c) Plaintif adalah seorang yang korup;

(d) Plaintif telah mengambil kesempatan rakyat bagi keuntungan beliau sendiri dan mengakibatkan keburukan kepada mereka; dan

(e) Plaintif tiada tujuan membantu mereka yang dalam keperluan, sebaliknya telah menipu mereka bahawa beliau sedang membantu mereka.

[5] Akibat tindakan defendan-defendan, plaintif mengalami kelukaan kepada akhlak dan nama baik beliau dan juga jawatan beliau sebagai seorang wakil rakyat yang dilantik, dan telah menyebabkan beliau dihina, dibenci dan dikeji orang ramai.

Bantahan Awal

[6] Kes ini telah ditetapkan untuk bicara pada 10 hingga 13 Disember 2012. Walau bagaimanapun peguamcara defendan yang terpelajar telah membuat permohonan untuk bantahan awal terhadap pernyataan tuntutan terpinda plaintif bertarikh 3 Mei 2011 atas alasan berikut:

(i) Kata-kata sebenar perlu diplidkan dalam pernyataan tuntutan secara keseluruhan dan di sini plaintif gagal membuat sedemikian tetapi hanya memplidkan penterjemahan dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris untuk sebahagian daripada artikel yang telah disiarkan.

(ii) Di samping gagal memplidkan artikel secara keseluruhan, plaintif juga gagal memplidkan penyataan yang disiarkan tersebut dalam bahasa asal sepertimana yang diterbitkan dalam surat khabar diikuti dengan penterjemahan dalam bahasa yang digunakan di mahkamah.

Hujahan

[7] Secara ringkas, peguamcara defendan yang terpelajar berhujah bahawa undang-undang memerlukan setiap perkataan libel dinyatakan dalam deklarasi untuk membolehkan mahkamah memutuskan sama ada perkataan-perkataan tersebut telah membangkitkan kausa tindakan (rujuk kes *Karpal Singh Ram Singh v. DP Vijandran* [2001] 3 CLJ 871).

[8] Dalam kes ini, plaintif hanya mengambil bahagian-bahagian kenyataan yang tertentu dan memberi penterjemahan dalam Bahasa Malaysia serta Bahasa Inggeris. Sepatutnya plaintif memplidkan keseluruhan kenyataan dan menggariskan bahagian-bahagian yang dikatakan bersifat fitnah. Dengan cara ini defendan pertama akan dapat mengetahui bahagian mana yang dianggap fitnah dan membolehkan defendan pertama menjelaskan keadaan sebenar berdasarkan kepada keseluruhan kandungan artikel tersebut.

[9] Peguamcara defendan yang terpelajar seterusnya berhujah bahawa adalah menjadi keperluan untuk memplidkan kenyataan dalam bahasa asal iaitu Bahasa Mandarin diikuti dengan penterjemahan dalam bahasa yang digunakan di mahkamah supaya plaintif dapat mengenal pasti bahagian yang dikatakan fitnah dan kemudiannya terpulanglah kepada penterjemah untuk mengesahkan bahawa perkataan dalam penterjemahan adalah perkataan yang tepat. Ini kerana, jika perenggan 4(d), pernyataan tuntutan terpinda pihak plaintif dikaji, kenyataan defendan yang dikatakan disiarkan dalam Bahasa Mandarin diterjemahkan seperti berikut:

> (d) Beliau berkata, pada 13 haribulan bulan ini, Yew Yian Hoe tanpa perasaan malu dengan mengatakan bahawa beliau ada membuat kerja dalam perkara dimana 6 keluarga di Saba mendapat surat kelulusan geran daripada Pejabat Tanah Daerah. Tindakan ini jelasnya memutarbelitkan fakta yang sebenar dan menipu rakyat.

[10] Jika dirujuk penterjemahan pihak plaintif di ms. 19 ikatan dokumen plaintif perkataan "Saba" tidak muncul langsung. Ini menunjukkan ianya bukanlah suatu penterjemahan yang lengkap. Di samping itu penterjemahan artikel yang sama oleh penterjemah defendan tidak mengandungi perkataan "tanpa perasaan malu" (rujuk kes *Lim Kit Siang v. Datuk Dr Ling Liong Sik & Ors* [1996] 1 LNS 106).

[11] Peguamcara plaintif terpelajar berhujah bahawa pernyataan tuntutan terpinda plaintif tidak cacat walaupun terdapat kegagalan untuk memplid perkataan-perkataan sebenar dalam bahasa asal yang disiarkan dalam Oriental Daily News. Ini kerana tiada peruntukan statutori atau kaedah mahkamah yang mewajibkan perkataan sebenar diplidkan *in toto*. Justeru, mahkamah hendaklah melihat kepada tujuan sama ada ia menyebabkan

prejudice kepada defendan dalam membuat pembelaannya. Mahkamah hanyalah mengambil perhatian kepada kenyataan fakta dan di sini perkataan-perkataan tersebut nyata tidak membawa kepada dua makna. Malah ianya tidak dicabar di hadapan mahkamah bahawa perkataan -perkataan tersebut mengandungi dua makna (rujuk kes *Karpal Singh Ram Singh v. DP Vijandran* (*supra*), *Dato' Seri Tiong King Sing v. Datuk Justine Jinggut* [2003] 7 CLJ 433; [2003] 6 MLJ 433).

Keputusan Mahkamah

Isu (i)

[12] Mahkamah berpendapat, bahawa kegagalan pihak plaintif memplidkan dalam pernyataan tuntutan terpinda kata-kata sebenar secara keseluruhan menyebabkan pernyataan tuntutan tersebut cacat.

Mahkamah Rayuan dalam kes *Karpal Singh Ram Singh v. DP Vijandran* (*supra*) telah merujuk kepada *Gatley in Libel and Slander* edisi ke 9 di ms. 652 seperti berikut:

> ... In a libel the words used are the material facts and must therefore be set out verbatim in the statement of claim, preferably in the form of a quotation: it is not enough to describe their substance, purport or effect. The law requires that every words of the libel to be set out in a declaration in order that the court may judge whether they constitute a ground of action ...

Seterusnya Mahkamah Rayuan juga telah merujuk kepada petikan dari penghakiman Hirst LJ dalam kes *British Data Management Plc v. Boxer Commercial Removals Plc and Another* [1996] 3 All ER 707 seperti berikut:

> It is important to bear in mind the purpose of a statement of claim. It is to enable the defendant to know the case that he has to meet so that he can properly plead his case, with the result that the issues are sufficiently defined to enable the appropriate questions for decision to be resolved ....
>
> This purpose will not be achieved unless the words are pleaded with sufficient particularity to enable the defendant not only to understand what it is the plaintiff alleges that they meant, but also to enable him to decide whether they had that meaning and, if not, what other meaning they had or could have. Equally, unless the words are so pleaded the defendant will not be able to determine whether the words in their alleged meaning or other perceived meaning are true, or fair comment, and plead accordingly ...

Juga merujuk kes *Soh Chun Seng v. CTOS-emr Sdn Bhd* [2004] 5 CLJ 46 dinyatakan bahawa:

> In Gatley ... states:
>
> It is necessary to take into consideration, not only the actual words used, but also the context of the word.

Di ms. 97 pula dinyatakan:

> It follows from the fact that the context and circumstances of the publication must be taken into account and that the plaintiff cannot pick and choose parts of the publication which standing alone, would be defamatory, but there may be other passages which take away the sting.

[13] Kegagalan untuk memplidkan keseluruhan kenyataan yang dikatakan bersifat fitnah menyebabkan defendan tidak dapat mengetahui bahagian mana yang dianggap fitnah bagi membolehkan defendan menjelaskan keadaan sebenar berdasarkan kepada keseluruhan kandungan artikel tersebut. Ini nyata telah memprejudiskan defendan (rujuk kes *Lim Kit Siang v. Datuk Dr Ling Liong Sik & Ors* (*supra*)).

Isu (ii)

[14] Mahkamah berpendapat bahawa kegagalan pihak plaintif menyiarkan kenyataan dalam bentuk asal sepertimana yang diterbitkan dalam surat khabar diikuti dengan penterjemahan dalam bahasa yang digunakan di mahkamah menyebabkan pernyataan tuntutan terpinda pihak plaintif cacat. Oleh itu tidak membangkitkan apa-apa kausa tindakan.

Mahkamah Rayuan Singapura dalam kes *Worker's Party v. Tay Boon Too & Anor* [1975] 1 LNS 193 telah memutuskan bahawa:

> If the slander is in a language other than English, it must be set out in the statement of claim in the foreign language precisely as spoken and followed by a literal translation. It is not enough to set out a translation without setting out the original or *vice versa* (*Gatley on Libel & Slander*, 7th edn. para. 987). While the absence of a translation in the pleadings may not fatal to the plaintiff's case the absence of the original words in the foreign language in question is ...
>
> ...
>
> After the plaintiff has proved the actual words published he must also prove that the translation given in the statement of claim is correct by calling on interpreter sworn as a witness (*Gatley* para. 1207).

A I am of the view that the plaintiff in this case has not proved publication of the words complained of.

[15] Seterusnya mahkamah berpendapat bahawa pentingnya memplidkan kenyataan dalam bentuk asal dalam kes ini Bahasa Mandarin diikuti dengan terjemahan dalam bahasa yang digunakan oleh mahkamah adalah supaya dapat dikenal pasti bahagian yang dikatakan fitnah. Jika merujuk perenggan 4(d) pernyataan tuntutan terpinda dan di ms. 19 ikatan dokumen plaintif ternyata perkataan "Saba" tidak wujud manakala penterjemah defendan pula bagi artikel yang sama tidak menyebut perkataan "tanpa perasaan malu". Justeru apa yang dikatakan oleh YA Zainun Ali dalam kes *Lim Kit Siang v. Datuk Dr Ling Liong Sik & Ors* (*supra*) adalah amat benar iaitu:

> ... since those words in the report and pleaded in the statement of claim are reported in the third person and are but the product of a journalist's creative skill and reporting only, even if it captures the essence of what the first defendant uttered. This is not sufficient since what is important is not the fact of the first defendant having used defamatory expression which is the fact on which the case depends.

[16] Berdasarkan kes di atas, pada pendapat mahkamah, apabila penterjemah mempunyai gaya tersendiri menterjemah sesuatu artikel maka adalah amat penting bahawa kenyataan yang diterbitkan dalam Bahasa Mandarin diplidkan secara keseluruhan dalam bahasa asal diikuti dengan terjemahan bagi membolehkan mahkamah mengesahkan sama ada kenyataan yang didakwa itu bersifat fitnah dalam bahasa asing adalah benar-benar bersifat fitnah dengan memanggil peterjemah yang berkelayakan untuk memberi keterangan berkenaan kenyataan yang diplidkan tersebut.

Kesimpulan

[17] Dengan alasan-alasan di atas mahkamah merumuskan bahawa pliding pihak plaintif defektif. Oleh itu bantahan awal dibenarkan dan tuntutan plaintif ditolak dengan kos.